

Kewujudan Sistem Sokongan Membantu Sosialisasi Guru Sandaran Terlatih (GST) di Sekolah

oleh

Siti Zohara bt. Yassin
Institut Perguruan Batu Lintang

ABSTRAK

Fokus kajian ini adalah menerokai sokongan yang diperlukan oleh Guru Sandaran Terlatih (GST) yang ditempatkan di dua buah sekolah menengah di Kuching. Kajian ini mengguna kaedah kualitatif yang dijalankan pada lima bulan pertama penempatan GST di sekolah. Data dari temu bual dan pemerhatian terhadap lima orang responden diproses untuk mendapat hubungan dan tema yang membantu dalam menginterpretasi data. Dari data ini didapati kewujudan sistem sokongan moral dan sokongan profesionalisme di sekolah telah banyak membantu sosialisasi GST dalam menghadapi realiti di sekolah. Sosialisasi telah membolehkan GST menghadapi realiti di sekolah. Sokong adalah suntikan kepada semangat, ketabahan, kecekalan dan keyakinan yang mewujudkan keselesaan dan memotivasi GST untuk terus membuat pembeharuan di sekolah. Sokongan juga telah mengeratkan hubungan sosial GST dengan komuniti sekolah. Tanpa sokongan GST menghadapi kecelaruan, ketidakjelasan, kekeliruan, kerisauan dan kehampaan. Jika situasi ini berterusan ia boleh melemahkan semangat GST untuk terus berusaha iaitu merancang dan melaksanakan tindakan seterusnya.

PENGENALAN

Penempatan di sekolah setelah tamat menjalani latihan di institusi perguruan adalah peringkat 'penerokaan' realiti di sekolah (Huberman 1993). Guru Sandaran Terlatih (GST) boleh dibaratkan sebagai 'benih baru' kerana ilmu yang diperolehi di institut perguruan masih segar dalam minda mereka. Sekolah merupakan tapak 'menanam benih baru' kerana sekarang GST telah mempunyai pelajar, mempunyai perancangan sendiri dan merasai sebahagian daripada golongan profesional. Penerokaan ini ialah cuba menyesuaikan strategi dengan realiti di sekolah. Sejauhmana GST mampu dan bersedia mengaplikasikan pengetahuan yang dimiliki bergantung kepada kewujudan unsur-unsur yang menyokong di sekolah.

MASALAH KAJIAN

Kelemahan Diri

Masalah yang dihadapi oleh GST di sekolah ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan penerimaan rakan sejawat. Ramai sarjana berpendapat kejayaan seseorang guru menangani masalah di sekolah dipengaruhi oleh kefahaman mereka tentang konteks sekolah dan personaliti guru itu sendiri (Hebert & Worthy 2001; Kelchermans & Ballet 2002). Oleh itu harus disedari bahawa pendekatan yang digunakan

oleh seorang guru mungkin berkesan di sesebuah sekolah, tetapi tidak berkesan untuk sekolah lain.

Selain itu GST mempunyai masalah peribadi dan masalah psikologi, iaitu perasaan malu, kurang yakin dan takut kerana tiada atau kurang pengalaman (Marti & Huberman, 1993; Mohd. Nasir, 1994). Kelemahan diri, tuntutan dan harapan pihak sekolah menyebabkan GST sentiasa dalam keadaan tertekan. Sejauhmana GST mampu menghadapi cabaran ini bergantung kepada pengalaman, personaliti dan sokongan yang diberi oleh pihak sekolah. Antara ciri personaliti yang perlu dimiliki oleh GST ialah proaktif, tidak malu dan bersedia menerima kritikan.

Realiti di Sekolah

Sumber-sumber seperti komputer dan talian internet, maklumat seperti idea terkini, dan peralatan dan bahan pengajaran dan pembelajaran di perpustakaan, di bilik darjah dan di bilik rehat guru menggambarkan usaha pengetua memperkembangkan profesionalisme guru. Guru harus sedar bahawa tidak semua sekolah mempunyai kemudahan yang lengkap. Oleh itu GST perlu bersedia untuk membuat penyesuaian dengan sumber-sumber yang sedia ada. Itulah realiti di sekolah tidak seperti yang diharapkan.

Budaya sekolah boleh dilihat apabila pengetua memberi alasan dan pandangan tentang sesuatu isu atau peristiwa yang berlaku di sekolah (Corrie 2002). Ini disokong oleh dapatan kajian McGinnis dan Parker (2000) yang menyatakan bahawa budaya sekolah ditentukan oleh pengetua, guru-guru, pelajar, ibu bapa pelajar, dan sistem penilaian yang diamalkan oleh sekolah. Jika GST berada di persekitaran yang banyak menyokong, sudah tentu ia memberi semangat kepada GST untuk berkongsi kemahiran bersama guru lama di sekolah. Budaya kolaborasi di kalangan guru-guru akan menjadikan guru-guru peka dengan perkembangan terkini dalam pendidikan. Sokongan daripada komuniti sekolah adalah laluan untuk guru baru membuat pembaharuan di sekolah (McGinnis & Parker 2000). Kewujudan sokongan moral dalam komuniti sekolah membantu sosialisasi GST dengan komuniti sekolah (Gardiner & Kosmitzki 2002). Oleh itu budaya sekolah penentu kepada sosialisasi GST.

Kajian McGinnis dan Parker (2000) mendapati guru baru telah menggunakan strategi sosial dalam sosialisasi mereka di sekolah. Guru baru telah mencapai kepuasan, rasa stabil dan efektif kerana mendapat sokongan daripada komuniti sekolahnya. Salah satu kemahiran yang perlu dimiliki oleh GST pada peringkat awal ini ialah sosialisasi dengan rakan sejawat dan pelajar. Sosialisasi dengan rakan sejawat meningkatkan keyakinan diri kerana merasa rasa selesa dan tidak mudah panik. Sosialisasi dengan pelajar membantu GST menangani disiplin yang bolehkan GST melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Sistem Sokongan di Sekolah

Sosialisasi GST dengan sekolah akan lebih bermakna jika sekolah menyediakan sistem sokongan. Guru lama yang berpengalaman merupakan mentor yang paling berkesan dalam membantu sosialisasi GST. Gamoran et al. (2000) telah membahagikan tiga jenis sumber yang diperlukan oleh guru baru di sekolah iaitu, (i) bahan, (ii) guru yang berpengetahuan dan mahir, dan (iii) sosial iaitu kepimpinan, kolaborasi dan sokongan pihak pentadbir. Sumber-sumber ini merupakan sokongan kepada GST dalam menghadapi realiti di sekolah.

Sokongan pihak sekolah adalah suntikan kepada semangat GST. Ketiadaan sistem sokongan di sekolah akan menyebabkan GST menghadapi masalah dan gagal melaksanakan peranan

yang sepatutnya. Kegagalan ini adalah pengalaman pahit, Pengalaman pahit yang berterusan akan timbul rasa tidak puas hati, putus asa dan patah semangat untuk menghadapi cabaran yang seterusnya.

Ramai sarjana (Cawyer et al., 2002; Kelchtermans & Ballet, 2002; Farrell, 2003) mendapati GST meminta pandangan daripada rakan sejawat apabila menghadapi masalah. Masalah utama yang dihadapi oleh GST adalah berkaitan dengan pengurusan bilik darjah iaitu disiplin pelajar, keperluan pelajar dan pembelajaran pelajar. Kesediaan GST menghadapi masalah ini bergantung kepada sokongan dari rakan sejawat, sokongan fizikal dan sokongan psikologi daripada organisasi. Sokongan mewujudkan persekitaran yang selamat kerana ia membantu membina keyakinan diri GST. Keyakinan diri adalah kekuatan untuk membina sikap positif dalam menghadapi segala cabaran (Corcoran 1981).

Kajian Cawyer et al. (2002) mendapati bahawa sokongan telah membantu guru baru menangani realiti di sekolah. Jenis sokongan yang diperlukan oleh guru baru ialah:

- (a) hubungan interpersonal. Perbualan akan membina hubungan antara guru baru dengan mentor. Apabila hubungan telah terbina, ia memberi peluang kepada guru baru untuk membincangkan tentang masalah yang mereka hadapi. Perbincangan dengan mentor membolehkan guru baru mendapat sokongan moral;
- (b) sokongan moral membolehkan guru baru meluahkan perasaan; mendapat kata-kata nasihat dan maklumat; dan mendapat bantuan. Sokongan moral ini akan mengurangkan perasaan samar tentang organisasi dan tugas, mengurangkan perasaan rasa disingkir, dan membolehkan guru baru mampu melaksanakan tugasnya;
- (c) nasihat profesional terutama sekali daripada mentor yang berpengalaman akan membantu guru baru mengenal pasti antara tugas utama dengan tugas sampingan. Kesedaran tentang tugas seorang guru telah mengajar guru baru untuk berkata 'tidak' supaya mereka tidak dibebani dengan tugas yang mereka belum bersedia (Norani et al., 1996). Nasihat profesional ini juga membantu guru baru memahami tentang norma dan tingkah laku yang diterima oleh organisasi dan matlamat organisasi. Maklumat ini membantu guru baru menyesuaikan diri;
- (d) gambaran tentang latar belakang organisasi membolehkan guru baru memahami hubungan interpersonal di kalangan ahli-ahli dalam organisasi, latar belakang rakan sejawat dan politik dalam organisasi. Maklumat ini akan memberi kefahaman kepada guru baru tentang elemen budaya dalam organisasi; dan
- (e) tempat untuk mengadu iaitu mentor sentiasa ada, bersedia dan mudah didekati untuk memberi bantuan.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini adalah menerokai sejauhmana GST mendapat sokongan daripada pihak sekolah dan jenis sokongan yang diperlukan oleh GST pada lima bulan pertama di sekolah. Kajian ini juga menerokai bagaimana sokongan ini boleh membantu GST menghadapi realiti di sekolah.

METODOLOGI

Kaedah kualitatif yang mengguna temu bual, pemerhatian dan catatan buku rekod diguna dalam kajian ini. Kaedah kualitatif mampu meneroka keadaan yang berlaku tanpa membuat andaian dan tanpa mempengaruhi situasi atau keadaan (Johnston & Christensen 2000). Data dalam kajian ini timbul daripada konteks atau persekitaran sebenar, maka kualitatif mampu memberi gambaran yang menarik dan mendalam. Lima orang responden yang terlibat dalam kajian ini ditempatkan di dua buah sekolah menengah di bandar Kuching. Responden telah menjalani latihan di institut perguruan selama satu tahun di bawah program Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI). Oleh itu dapatan kajian ini terhad kepada kumpulan GST di bawah program KPLI yang menerima latihan di institut perguruan. Kajian ini dimulakan pada hari pertama GST melangkah kaki ke sekolah dan seterusnya meneroka sosialisasi GST dengan komuniti sekolah. Elemen-elemen yang menyokong GST mempengaruhi sosialisasi GST di sekolah.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kelima-lima GST yang ditempatkan di sekolah diberi pelbagai tugas yang mencabar. Di SMK Hormat Puan Farah diamanahkan oleh Pengetua menghidupkan semula kelas Kemahiran Al-Quran (KKQ) dan mengajar kelas tingkatan 6 atas, dan Encik Paul dilantik menjadi pengurus sukan sekolah. Cik Zainon dan Encik Safuan adalah pengasas mata pelajaran vokasional yang baru diperkenalkan di SMK Ceria. Cik Lily juga di SMK Ceria, pula ditugaskan mengajar pelbagai mata pelajaran iaitu Bahasa Cina, Bahasa Inggeris, Pendidikan Seni dan PJK untuk kelas peralihan.

Puan Farah

Puan Farah telah berjaya menghidupkan semula kelas KKQ kerana mendapat bantuan dan sokongan Pengetua dan rakan sejawat. Pada mulanya jadual kelas KKQ yang disediakan tidak mendapat sambutan daripada pelajar. Kata Puan Farah,

“.....budak-budak tak datang, lepas tu ustaz pun macam dah fed up...”

Puan Farah pun cuba berbincang dengan rakan sejawat dan mereka mencadangkan beliau agar berbincang dengan Pengetua. Oleh kerana sokongan dari beberapa orang rakan sejawat, Puan Farah pun pergi berjumpa Pengetua. Semasa sesi perbincangan ini, beberapa orang guru turut dipanggil bersama kata Puan Farah,

“.....pengetua panggil ketua warden sekali, PK HEM duduk sekali..... Kita buat perjumpaan dengan budak-budak.....”

Selepas perjumpaan ini, satu sesi perjumpaan bersama pelajar diadakan di dewan. Pada sesi ini selain Puan Farah memberi penerangan tentang kelas KKQ, pihak pentadbir juga memberi sokongan. Kata Puan farah,

“.....PK HEM bercakap....lepas tu Pengetua... orang yang tak datang boleh bagi nama pada pengetua untuk diambil tindakan”. Tambah Puan Farah, “Bermakna di sinilah ada orang yang menyokong, rancangan-rancangan yang diusahakan, jadi menyemarakkan semangat...”

Sikap mesra Puan Farah menyebabkan beliau cepat diterima oleh rakan sejawat dan beliau tidak kekok apabila bersama-sama dengan rakan sejawat. Walaupun masih baru di sekolah Puan Farah merasa selesa untuk memberi pandangan beliau. Jelas Puan Farah,

'Kita sering berbincang di kantin, pasal rasa tak puas hati terhadap sekolah. Dia orang luahkan pada saya. Saya pun bagi pendapat ada yang setuju ada yang tak setuju. Di kantin pula ada surat khabar. Sambil makan kita bincanglah isu yang terdapat dalam surat khabar.'

Staf sokongan juga mempunyai pandangan bahawa Puan Farah 'cepat mesra' berbanding dengan Encik Paul. Semasa pengkaji bertanya tentang Puan Farah dengan salah seorang daripada staf sokongan beliau cepat memberi respons. Tetapi apabila pengkaji menyebut nama Encik Paul, pengkaji terpaksa menceritakan serba sedikit tentang Encik Paul.

Selain mendapat sokongan pihak sekolah dan usaha yang gigih, sosialisasi dengan komuniti sekolah mempengaruhi kejayaan pelaksanaan kelas KKQ. Puan Farah telah membuat 'jadual' yang 'lebih sistematik' serta mampu menambat hati guru-guru untuk memberi kerjasama kepada beliau. Guru panatia Bahasa Arab juga memberitahu bahawa Puan Farah rajin 'membuat kerja', 'tidak mengabaikan kerja' dan membuat 'kerja dengan baik.' Guru-guru juga senang dengan beliau dan sering memuji Puan Farah kerana 'dedikasi dalam menjalankan tugas.' Sikap 'rajin' ini membuatkan beliau tidak menghadapi masalah untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan oleh Pengetua. Puan Farah telah berjaya menghidupkan kelas KKQ.

Puan Farah telah membuat rayuan apabila ditugaskan mengajar Pengajian Am untuk tingkatan enam atas. Selain bukan opsyen di maktab, Puan Farah juga tidak pernah belajar Pengajian Am di sekolah kerana selepas tingkatan lima beliau terus masuk matrikulasi. Jelas Puan Farah,

'Saya kata nak mencuba, cuma yang diberi ialah Tingkatan 6 Atas dan saya tak pernah mengambil STPM, tak ada pengetahuan tentang Pengetahuan Am. Macam mana nak mengajar kelas peperiksaan.'

Aduan Puan Farah telah mendapat perhatian pihak sekolah. PK 1 SMK Hormat telah merombak semula jadual waktu sekolah (rombakan dibuat selepas cuti Tahun baru Cina).

Encik Paul

Encik Paul juga mendapat sokongan daripada rakan sejawat walaupun beliau merasai tugas yang diamanahkan agak sukar untuk dilaksanakan. Kerisauan yang ditunjukkan oleh Encik Paul ialah apabila,

"diumumkan ... pengurus (rumah sukan sekolah), saya memang pening...ketua yang mengurus semuaBukan sahaja mengurus pelajar, tapi mengurus juga cikgu. Bukan-bukannya senang. Orang junior menguruskan orang senior..."

Encik Paul juga mengajar mata pelajaran bukan opsyen iaitu pendidikan seni tingkatan satu. Mengapa Encik Paul tidak bertindak seperti Puan Farah? Ini kerana Puan Farah akan mengajar kelas peperiksaan berbeza dengan Encik Paul yang mengajar tingkatan satu. Encik Paul juga mempunyai 'ramai cikgu' iaitu 'isteri dan adik isteri' beliau yang 'mahir dalam melukis.' Kata Encik Paul,

'Kebanyakan idea adalah dari isteri. Kalau saya nak buat satu-satu tajuk, saya bertanya dulu, apakah pandangan atau cadangannya.'

Encik Safuan

Encik Safuan juga tidak menghadapi masalah untuk melaksanakan pengajaran beliau walaupun menghadapi masalah bahan (peruntukan kewangan untuk membeli bahan untuk kelas amali belum diterima oleh pihak sekolah). Ini adalah kerana beliau pandai menyesuaikan diri. Jelas Encik Safuan,

“Saya peramah dengan cikgu-cikgu lain. Kita pergi bertanya mereka. Kita mesti tahu hendak bergaul dengan mereka. Jangan kita seperti kera sumbang.”

Ketiga-tiga responden dalam kajian ini telah berusaha berbincang dengan rakan sejawat dan mereka mendapat sokongan dalam bentuk kata-kata nasihat dan penerangan.

‘Saya bertanya orang yang tahulah. Merujuk guru KKQ dan cikgu-cikgu lain.’ (Puan Farah)
‘Saya bertanya dengan cikgu Vince, dia bekas pengurus sukan sekolah. Jadi saya bertanya dengan dia...’ (Encik Paul)

‘Kalau kita tak tanya mereka tak akan beritahu. Kalau kita tanya mereka akan beritahu. Cuma kita perlu pergi jumpa mereka. Biasalah tak kan kita tunggu orang datang berjumpa kita, kita pergi jumpa mereka.’ (Encik Safuan)

Cik Zainab

Terdapat perbezaan suasana di SMK Hormat dan di SMK Ceria. Pihak pentadbir yang sering bertanya dan suasana yang mesra mempengaruhi sosialisasi GST dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Di SMK Hormat, Puan Farah mendapat sokongan yang padu dari semua pihak sekolah di mana bukan sahaja rakan sejawat tetapi Pengetua, PK 1, PK HEM dan Warden juga turut turun pandang memberi sokongan apabila didapati tiada pelajar yang hadir untuk kelas KKQ. Di SMK Ceria walaupun sekadar bertanya khabar ia sudah cukup untuk memberi semangat kepada Cik Zainab, tambah beliau,

‘Pengetua memang prihatin tapi beliau agak sibuk.’

Cik Zainab menganggap Pengetua (baru dipindahkan ke SMK Ceria) ‘sibuk’ sebab situasi beliau adalah sama iaitu masih ‘baru’ di SMK Ceria. PK HEM sering bertanya tentang pelajar-pelajarnya. Ini adalah kerana PK HEM peka bahawa Cik Zainab menghadapi masalah untuk menarik minat pelajar. Tetapi Cik Zainab tidak pernah mengadu kepada PK HEM. Cik Zainab memberitahu bahawa Pengetua, PK 1 dan PK HEM ‘sibuk dengan urusan’ mereka sendiri. Cik Zainab lebih banyak berbincang dengan Ketua Jabatan. Jelas Cik Zainab,

‘Setakat ini saya hanya berhubung dengan Ketua Jabatan. PK Hem dan PK 1 sibuk. Beliau terpaksa melayan tetamu beliau. Beliau tekun dengan kerja beliau. Saya perlu menunggu masa yang sesuai untuk bertemu beliau. Ada rasanya saya nak berjumpa Pengetua tapi beliau juga tiada masa untuk melayan saya.’

Pada peringkat awal, Cik Zainab merasa tidak mendapat bimbingan daripada Ketua Jabatan yang kurang arif tentang Mata Pendidikan Vokasional (MPV). Pandangan Cik Zainab terhadap Ketua Jabatan,

'Tak ada banyak sangat sebenarnya (bimbingan). Saya memohon nasihat dari beliau tapi beliau kurang berpengetahuan. Beliau juga mengaku bahawa beliau tiada idea.'

Cik Zainab memberitahu bahawa beliau tidak mendapat 'sokongan' kerana tidak ada input daripada Ketua Jabatan. Puan Tay, Ketua Jabatan memberitahu bahawa beliau sendiri '*tidak tahu sangat tentang MPV*'. Situasi ini mempengaruhi semangat Cik Zainab untuk berusaha. Reaksi Cik Zainab apabila ditanya tentang perasaan beliau ialah, '*..tidak bersemangat sebab tidak ada sokongan.*'

Hanya pada ada akhir bulan April, Ketua Jabatan memperkenalkan Cik Zainab kepada seorang guru Kemahiran Hidup untuk membantu beliau. Ketua Jabatan menyuarakan perasaan 'risau' tentang Cik Zainab yang sehingga bulan April tidak nampak hasil kerja pelajar berbanding dengan Encik Safuan. Sokongan daripada ketua jabatan ini telah menaikkan semangat Cik Zainab untuk terus berusaha. Berbagai-bagai rancangan yang hendak dibuat. Reaksi Cik Zainab ialah,

'Setakat ni baik berbanding dengan yang saya rasa apabila tidak ada sokongan. Sekarang saya bersungguh-sungguh membuatnya hingga tak cukup masa.'

Staf sokongan juga memainkan peranan membantu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran GST. Puan Farah dan Encik Safuan tidak menghadapi masalah apabila berurusan dengan staf sokongan. Tetapi Cik Zainab memberitahu tentang masalahnya dengan staf sokong apabila bahan yang dipesan belum sampai ke sekolah. Cik Zainab menyalahkan 'ketua kerani' kerana bahan lambat sampai. Rungutan Cik Zainab,

'Rasanya dari bulan Mac hingga sekarang (1.4.2004) saya rasa marah kadang-kadang rasa bodoh. Misalnya, saya dah lama beri senarai bahan yang hendak dipesan kepada kerani kanan, sudah dua minggu bahan-bahan yang dipesan tak tiba-tiba.'

Cik Zainab tidak bertanya dengan staf sokongan tentang kelewatan bahan yang dipesan. Ia dipengaruhi oleh persepsi negatif terhadap staf sokongan dan sikap tidak mahu bertanya atau tidak 'mesra' seperti Encik Safuan (dalam tema reaksi GST terhadap penempatan). Persepsi Cik Zainab terhadap staf sokongan,

'Apabila kita ke pejabat, staf sokongan di sana tidak mesra dan tidak melayan kita. Mereka menunjuk muka masam saja. Keraninya, jika bercakap dengan kita menoleh mukanya ke arah lain.'

Cik Zainab telah menggunakan telefon awam untuk menghubungi pembekal bahan. Cik Zainab nampaknya tidak selesa atau '*takut*' masuk ke pejabat. Pandangan Encik Safuan terhadap Cik Zainab,

'Dia kena berani sikit. Saya nampak dia tu seperti takut nak menyatakan masalahnya dengan pihak sekolah. Saya jarang nampak dia berjumpa dengan PK HEM, jumpa dengan orang-orang pejabat.'

Cik Zainab mempunyai masalah untuk bersosialisasi dengan staf sokongan. Sebelum ini Encik Murad, salah seorang guru Kemahiran Hidup, pernah berbincang dengan Cik Zainab supaya meminta bantuan tukang kebun, tetapi Cik Zainab menganggap dia tidak mempunyai kuasa untuk memberi arahan kepada tukang kebun. Reaksi Cik Zainab,

'Minta tolong susah oleh sebab belum ada kuasa hendak mengarah orang lain buat kerja'

Tetapi pada suatu hari Cik Zainab telah berbual dengan tukang kebun dan meminta bantuan untuk tunjuk cara menggunakan mesin rumput kepada pelajar. Pada 13.5.2004 dua orang tukang kebun telah datang membantu Cik Zainab. Dua orang tukang kebun membuat demonstrasi cara menggunakan alat-alat mesin pemotong rumput seperti *'bush cutter'*, *'mower'*, *'hedge trimmer'* dan *'long pole'*. Kedua-dua tukang kebun telah mengajar pelajar Cik Zainab cara menggunakan mesin tersebut dari pukul lapan pagi sehingga sembilan pagi. Cik Zainab telah *'memberanikan diri'* untuk memohon bantuan dari staf sokongan dan permohonan beliau tidak dihampakan oleh staf sokongan.

Apabila dilantik menjadi guru tingkatan Cik Zainab menyuarakan *'tidak puas hati'* terhadap perincian tugas guru yang disebar oleh pihak sekolah. Buku maklumat sekolah yang diberi kepada semua guru baru adalah untuk membolehkan guru *'mengetahui kedudukan kelas.'* *'Buku maklumat sekolah mempunyai peta sekolah'*, kata Cik Zainab. Tambah Cik Zainab, buku maklumat tidak menerangkan *'senarai tugas guru'*. Luahan perasaan Cik Zainab,

'Memang banyak benda saya tak tahu tentang sekolah. Apa sebenarnya tugas guru tingkatan, bagaimana prosedur disiplin. Semakan tugas cikgu-cikgu tu sepatutnya diberi awal. Diberi sewaktu saya jadi guru tingkatan. Tapi lambat. Apabila saya sudah menjadi guru tingkatan, baru saya tahu. Bermakna, saya perlu belajar perlahan-lahan. Saya perlu tahu bagaimana nak daftarkan pelajar yang lewat. Tepat pukul 7.10 pelajar datang kita dah tandatangan. Kalau lewat bagaimana kita nak tanda buku kehadiran. Bagaimana nak kira purata kehadiran pelajar tersebut. Satu lagi tentang surat pengesahan sakit. Perlukah kita abaikan surat sakit kalau ibu bapa tulis surat atau patutkan ibu bapa menghantar surat pengesahan sakit yang sebenarnya.'

Ketiadaan rujukan mengenai tugas sebagai guru tingkatan menyebabkan Cik Zainab tidak tahu perkara yang harus beliau lakukan. Cik Zainab hanya tahu tentang sesuatu tugasan apabila masalah timbul. Kata Cik Zainab,

'Apabila ada masalah baru kita tahu apa yang patut dilakukan.'

Cik Lucy

Setelah menjadi guru terlatih, Cik Lucy melihat perbezaan antara guru sandaran dengan guru terlatih. Bagi Cik Lucy guru terlatih mempunyai,

'..tanggungjawab yang lebih berat, guru terlatih juga dianggap sebagai sudah tahu dalam segala bidang.'

Prinsip Cik Lucy ialah,

'..walaupun tidak pandai, kena buat pandai...tanggungjawab perlu dijalankan dengan sempurna...' dan segala masalah perlu *'diselesaikan sendiri'*.

Cik Zainab dan Cik Lucy mempunyai pandangan yang negatif terhadap rakan sejawat. Kedua-dua responden ini rasa sukar mendekati rakan sejawat. Pandangan Cik Zainab dan Cik Lucy tentang rakan sejawat,

'Susah hendak mendapat masa yang sesuai untuk berbincang dengan guru kerana mereka sentiasa sibuk. Mereka ini, kebanyakannya guru lama dan tidak mesra. Kita rasa tertekan dan akhir kita buat saja apa yang kita rasa patut dibuat.' (Cik Zainab)

'Apabila masuk ke bilik guru terasa tertekan. Mereka jarang senyum dan kita terpaksa senyum juga. Mereka masing-masing sibuk hingga tidak ada masa untuk berbual-bual.' (Cik Lucy)

Ketiadaan rakan sejawat yang boleh menjadi tempat rujukan atau tempat berbincang menyebabkan Cik Lucy dan Cik Zainab berusaha secara bersendirian. Ini adalah kerana sebelum ini semua mata pelajaran yang diambil alih oleh Cik Lucy dan Cik Zainab telah diajar oleh guru sementara. Cik Lucy dan Cik Zainab memberitahu,

'Tidak ada guru lain yang saya boleh jadikan sumber rujukan.' (Cik Lucy)

'Tidak ada buku teks dan tidak guru dengan berbincang kerana guru yang mengajar pun guru sementara. Setakat ini saya tak ada bahan.' (Cik Zainab)

Selain sokongan dan bimbingan dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan oleh pihak sekolah, semua responden dalam kajian ini juga memerlukan sokongan dan bimbingan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dan pengurusan pelajar.

'Dari segi p&p saya dapat pengetahuan daripada rakan-rakan yang mengajar tingkatan yang sama. Bertanya cara pelaksanaannya.' (Puan Farah)

'Saya bertanya dengan mereka (guru-guru yang mengajar mata pelajaran yang sama). Bagaimana nak tulis RPH.' (Encik Paul)

'Berkongsi yang berkaitan dengan MPV saya memang berbincang dengan Zainab.' (Encik Safuan)

'Rekod-rekod tentang alat. Tengah buat tapi tak tahu betul tak. Saya semak semula dengan Safuan untuk memastikan apa yang saya buat tu betul. Nak lihat sama ada sama atau tidak.' (Cik Zainab)

Tetapi agak mendukacitakan tidak banyak bimbingan atau bantuan yang diberi oleh rakan sejawat apabila ia berkaitan dengan pengurusan pelajar. Berikut adalah keterangan Encik Safuan dan Cik Zainab,

'Mereka kata tak tahulah bagaimana nak melayani pelajar-pelajar seperti ini.' (Encik Safuan).

'Dia tak bagi cadangan bagaimana mana nak mengajar.' (Cik Zainab)

Terdapat juga rakan sejawat yang tidak memberi kata perangsang yang boleh menyuntik semangat kepada GST apabila berhadapan dengan pelajar yang bermasalah pembelajaran. Encik Safuan dan Cik Zainab merasa sedih kerana rakan sejawat memberi pandangan negatif terhadap pelajar yang lemah. Luahan perasaan Encik Safuan dan Cik Zainab,

'Saya sedih kerana kebanyakan guru tidak menaruh harapan tinggi terhadap kelas pelajar lemah ini. Mereka bersimpati dengan guru yang mengajar kelas –kelas ini. Saya menghadapi masalah kerana tiada sokongan moral daripada mereka.' (Encik Safuan).

'Saya rasa sedih apabila seorang guru memberi reaksi, "wah awak mengajar kelas hujung," setelah melihat jadual waktu saya yang mengajar kelas 4 Unggu, 4 Jingga, 5 Unggu dan 5 Jingga.' (Cik Zainab).

Encik Paul mendapat sukatan pelajaran dan RPH daripada setiap panatia mata pelajaran. Kata dua orang panatia Encik Paul,

'Sebagai panatia kami kena pastikan guru-gru mempunyai sukatan pelajaran yang betul dan kita kena juga pastikan rancangan tahunan dan harian dibuat. Kami juga adakan agihan tugas dari segi penyediaan kertas soalan ujian. Saya tak berani kata saya berikan banyak bantuan. Tapi masing-masing ada kebolehan.' (Panatia Sains, Encik Wong)

'Sebagai ketua panatia, kita memberi bahan-bahan rujukan yang ada, buku-buku dan sukatan pelajaran. Saya buat apa yang termampu sebab cikgu ini bukan opsyen pendidikan seni.' (Panatia Pendidikan Seni, Cik Wahida)

Puan Farah juga mendapat sukatan pelajaran daripada panatia dan segala rancangan tahunan dan harian daripada penyelaras mata pelajaran. Bantuan yang diberi oleh panatia mata pelajaran kepada Puan Farah adalah seperti berikut,

'Nak buat perancangan tahunan dan rancangan harian boleh merujuk penyelaras supaya perancangan kita selaras. Kalau yang umum tu baru merujuk saya. Sebagai guru baru, dia perlukan sukatan pelajaran supaya dia tahu peringkat yang hendak diajar dan tahap kebolehan pelajar yang hendak diajar.' (Panatia Pendidikan Islam, Puan Farah)

'Selalu berjumpa (guru yang mengajar mata pelajaran yang sama) untuk membuat penyelarasan dari semasa ke semasa. Mereka bekongsi nota dan edaran yang diberi kepada pelajar' (Panatia Bahasa Arab, Puan Habibah)

Cik Lucy telah merujuk panatia untuk membantu cara mengajar. Cik Lucy bersedia untuk belajar semula, walaupun mata pelajaran pendidikan seni pernah dipelajari pada zaman persekolah. Kata Cik Lucy,

'Guru panatia suruh saya gunakan cara saya sendiri mengajar mereka. Tapi saya rasa, baik juga. Dulu saya sangat takut, tapi saya terima, dan akhirnya saya belajar sesuatu. Paksa diri sendiri belajar dengan baik. Pendidikan seni saya sampai tingkatan tiga saja. Tapi saya kena belajar.'

RUMUSAN DAN CADANGAN

Sebenarnya GST mempunyai semangat untuk menjalankan tugas yang diamanahkan kepada mereka tetapi jika tanpa sokongan semangat ini akan mati begitu sahaja iaitu melaksanakan tugas seperti melepaskan batuk di tangga. Sokongan terutama daripada pihak Pengetua amat bermakna walaupun sekadar bertegur sapa. Tetapi jika sokongan disertakan kata-kata nasihat dan memberi laluan ia akan memudahkan lagi pelaksanaan program yang dirancang oleh GST. Mungkin GST akan lebih bersedia memperkenalkan idea baru mereka jika ada sokongan daripada Pengetua. Ketua Jabatan juga memainkan peranan yang penting dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar.

Kewujudan sistem sokongan di sekolah telah membantu sosialisasi GST dalam kajian ini seperti yang terdapat dalam kajian Hebert dan Worthy (2001). Jika GST mempunyai guru pembimbing yang dilantik oleh pihak sekolah mungkin GST boleh menangani atau mungkin lebih kreatif dalam menangani masalah yang mereka hadapi. Sebenarnya GST dalam kajian ini memerlukan seorang mentor seperti yang diperlukan oleh guru baru dalam kajian Cawyer et al. (2002).

Mentor adalah tempat GST bertanya dan GST akan merasa selesa apabila berhadapan dengan masalah. Guru baru dalam kajian Cawyer et al. (2002) juga memerlukan mentor supaya mereka ada tempat untuk bertanya. Di bawah program mentoring, peranan mentor adalah sebagai pendengar, tempat GST mengadu, mendapat tunjuk ajar dan nasihat sama ada dari segi profesional (Huberman 1993; Johnston & Wetherill 2002; Cawyer et al. 2002) atau peribadi (Huberman 1993). Mentor atau guru pembimbing ini mestilah guru kanan supaya GST mendapat bimbingan yang membawa kepada perkembangan profesionalisme. Jika GST mempunyai mentor yang bertauliah dan bertanggungjawab ke atas protégénnya program mentoring yang diamalkan di sekolah akan membantu mempercepatkan perkembangan profesionalisme GST atau '*professional self*' yang distilahkan oleh Kelchtermans dan Vandenberghe (1994) atau peringkat 'stabil' yang diistilahkan oleh Huberman (1993). Banyak kajian yang dilakukan oleh para sarjana (Ballantyne et al. 1995; Johnston & Wetherill 2002; Cawyer et al. 2002) tentang guru baru juga mendapati guru baru memerlukan seorang mentor untuk membantu menyesuaikan diri di sekolah baru.

Tidak semua rakan sejawat akan membantu atau memberi sokongan kepada GST dalam menangani masalah apabila berada di sekolah. Sebaliknya GST menerima kata-kata negatif daripada rakan sejawat. Maklum balas daripada rakan sejawat ini boleh melemahkan semangat GST. Tetapi Staf sokongan walaupun tidak terlibat secara langsung dalam mengajar tetapi mempunyai peranan dalam menentukan kelancaran pengajaran dan pembelajaran GST.

Bahagian Pendidikan Guru (BPG) juga harus melihat semula kerjasama yang dibina dengan pihak sekolah. Pihak BPG telah mengadakan program pemantauan selama enam bulan ke atas GST yang ditempatkan di sekolah. Pemantauan ini bertujuan untuk memastikan pelanggan maktab iaitu pihak sekolah berpuas hati dengan GST yang ditempatkan di sekolah tersebut. Program pementoran yang diamalkan semasa guru pelatih menjalani praktikum lebih bermakna jika ia dilanjutkan ke atas GST. Program pementoran ini akan memantapkan lagi pemantauan yang dijalankan oleh BPG dan akan lebih bermakna jika sosialisasi GST dalam kajian ini diambil kira oleh BPG.

RUJUKAN

- Ballantyne, R., Hansford, B. & Packer, J. 1995. Mentoring Beginning Teachers: A Qualitatif Analysis of Process and Outcomes. *Educational Review*, 47/ 3, 297-306.
- Cawyer, C. S., Simonds, S. C. & Davis, S. 2002. *Mentoring to facilitate socialization: the case of the new faculty member*. *Journal of Qualitative Studies in Education*, 15/2, 225-242.
- Corcoran, E. 1981. Transition shock: the beginning teacher's paradox. *Journal of Teacher Education*, 32/3, 19-23.
- Corrie, L. 2002. *Investigating troublesome classroom behaviour: practical tools for teachers*. London: Routledge Falmer
- Farrell, T. S. C. 2003. Learning to teach English language during the first year: personal influences and challenges. *Teaching and Teacher Education*, 19, 95-111.
- Gamoran, A., Secada, W. G. & Marrett, C. B. 2000. The organizational context of teaching and learning: changing theoretical perspectives. Dlm. Hallinan, M. T. (pnyt.). *Handbook of the sociology of education*, hlm. 37-63. New York: Kluwer Academic/Plenum Publishers.
- Gardiner, H. W. & Kosmitzki, C. 2002. *Lives across cultures: cross-cultural human development*. Edisi ke-2. Boston: Allyn Bacon.
- Hebert, E. & Worthy, T. 2001. Does the first year of teaching have to be a bad one? A case study of success. *Teaching and Teacher Education*, 17, 897-911.
- Huberman, M. 1993. *The lives of teachers*. London: Cassell.

- Johnston, B. & Wetherill, K. 2002. Teacher socialization: opportunities for university school partnerships to improve professional cultures. *The High School Journal*, 85/4, 23-39.
- Kelchtermans, G. & Ballet, K. 2002. The micropolitics of teacher induction: a narrative-biographical study on teacher socialisation, *Teaching and Teacher Education*, 18, 105-120.
- Marti, J. & Huberman, M. 1993. Beginning teaching. Dlm. Huberman, M. *The lives of teachers*, hlm. 194-213. London: Cassell.
- McGinnis, J. R. & Parker, C. 2000. What happens to first year teachers prepared to make connections between science and mathematics when they enter the workplace? Kertas kerja yang dibentangkan pada mesyuarat tahunan National Association for Research in Science Teaching, New Orleans, Louisiana, April 28-May 1, 2000
- Mohd. Nasir B. Mohd. Idris. 1994. Masalah profesional guru permulaan sekolah rendah di Negeri Sembilan Darul Khusus. Tesis sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norani Mohd. Salleh, Wan Hasmah Wan Mamat & Chang Lee Hoon 1996. Profesionalisme guru baru di Sabah dan Sarawak. *Jurnal Pendidikan Universiti Malaya*, 17, 17-35.